

**(Majlis Mesyuarat disambung  
semula pada pukul 2.30 petang)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
Ahli-Ahli Yang Berhormat. Persidangan ini masih lagi membincangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang yang bergelar Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II dan kita masih lagi membincangkan Rang Undang-Undang ini satu persatu dalam Peringkat Jawatankuasa.

Maka bagi membolehkan kita untuk meneruskan usaha kita ini supaya Rang Undang-Undang ini dapat dibahaskan dan dibincangkan satu persatu, saya tangguhkan Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dahulu bagi majlis ini bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**

**(Mesyuarat bersidang sebagai  
Jawatankuasa)**

**Yang Berhormat Pengerusi:**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita sekarang duduk di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi membincangkan dan membahaskan Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II. Pada Mesyuarat yang telah kita adakan pada sebelah pagi tadi, kita telah meluluskan Jadual

Kementerian Kewangan dan juga Kementerian Pertahanan.

Walau bagaimanapun, sebelum kita menyambung Tajuk Jadual seterusnya saya difahamkan Yang Berhormat Menteri Pembangunan ingin membuat kenyataan. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

**Yang Berhormat Menteri  
Pembangunan:**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih atas kesempatan yang diberikan ini. Yang Berhormat Pengerusi, sukacita di dalam Dewan yang mulia ini kaola ingin memohon izin dan pertimbangan Yang Berhormat Pengerusi supaya Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya akan dapat lebih dahulu dibincangkan dan dibahaskan daripada kementerian-kementerian yang lain.

Perkara ini dipohonkan atas sebab-sebab yang tertentu dan tugas-tugas rasmi yang tidak dapat kaola elakkan. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-Ahli Yang Berhormat. Setelah mendengar kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan itu tadi, maka saya izinkan bagi Tajuk Kementerian Pembangunan ini untuk lebih dahulu dibincangkan dan dibahaskan daripada kementerian-kementerian yang lain.

**Yang Mulia Timbalan Jurutulis:**

Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tajuk SK01A hingga Tajuk SK08A.

**Yang Berhormat Pengerusi:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang kita mula membincangkan Jadual Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Walau bagaimanapun, sebelum Jadual ini dibuka seperti biasa untuk dibahaskan dan diteliti, saya ingin memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk menyampaikan mukadimahnyanya tentang penyediaan bajet Belanjawan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:**

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ  
 الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
 وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi bagi memberikan kaola peluang menyampaikan mukadimah Belanjawan Kementerian Pembangunan bagi tahun 2018/2019 untuk dikongsikan bersama di Dewan yang mulia ini.

Mukadimah ini di antara lain akan menjelaskan mengenai Peruntukan Kewangan 2018/2019 Kutipan Hasil dan Tunggakan, Kertas Rangka Dasar (hala tuju dan perancangan kementerian),

Pencapaian dan Cabaran kementerian ini dalam menangani isu-isu semasa dan yang akan datang.

Peruntukan Kewangan 2018/2019.

الْحَمْدُ لِلَّهِ bagi pihak Kementerian Pembangunan kaola mengucapkan terima kasih kepada kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah menyokong peruntukan sejumlah \$807,279,690.00 bagi perbelanjaan Tahun Kewangan 2018/2019 Kementerian Pembangunan yang disenaraikan seperti berikut:

1. \$101 juta disediakan untuk Gaji Kakitangan.;
2. \$186 juta untuk Perbelanjaan Berulang-Ulang iaitu bertambah kira-kira sebanyak \$8.2 juta dari Tahun Kewangan 2017/2018 yang antara lainnya mengambil kira penambahan peruntukan dibawah akaun-akaun berikut:
  - i. \$1.12 juta untuk Pemeliharaan Jalan Raya dan Pengurusan Estet di bawah kawalan Jabatan Kemajuan Perumahan iaitu bertambah sebanyak \$1 juta;
  - ii. \$37.2 juta untuk Pemeliharaan Kemudahan Awam dan Infrastruktur seperti bekalan air, jalan raya, saluran dan pembedungan bagi kerja-kerja kemudahan awam di seluruh negara di bawah kawalan

- Jabatan Kerja Raya iaitu bertambah sebanyak \$4.45 juta.; dan
- iii. \$7.29 juta bagi membiayai Pengutipan Sampah di seluruh negara dan pengurusannya di Sungai Paku di bawah kawalan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRE) iaitu bertambah sebanyak \$1.7 juta.
3. Manakalah sejumlah \$597.5 juta bagi Rancangan Kemajuan Negara (RKN) dengan sejumlah \$530 juta bagi membiayai Perbelanjaan Projek Jambatan Penghubung Daerah Brunei Muara dan Daerah Temburong.

Bertepatan dengan tema tahun belanjawan pada tahun ini 2018/2019 iaitu "Perbelanjaan Produktif dan Berinovasi Memelihara Kemakmuran Negara", Kementerian Pembangunan berperanan penting bagi memperkukuhkan keutamaan usaha-usaha strategi bagi mendukung pertumbuhan sosio-ekonomi negara melalui perbelanjaan secara inovatif dan produktif dengan mengutamakan sifat berhemah. Dengan peruntukan yang diluluskan, Kementerian Pembangunan akan meneruskan usaha secara *whole-nation approach* dalam melaksanakan pembangunan infrastruktur, mempraktikkan metodologi inovatif, *value for money* dan *cost effective* bagi menangani isu-isu dan cabaran semasa seperti isu-isu banjir, tanah susur, pengurusan sampah, bekalan air dan pemeliharaan infrastruktur seperti sistem saliran jalan

raya, pembedungan, alam sekitar secara holistik.

Penekanan juga diberikan kepada penelitian dan pengemaskinian dasar-dasar mengikut kesesuaiannya bagi menangani isu-isu semasa dan mendukung persekitaran perniagaan yang kondusif serta pelaksanaan projek-projek yang berimpak tinggi dan bermanfaat kepada rakyat dan pertumbuhan ekonomi secara berdaya tahan.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian. Kutipan hasil dan tunggakan. Dalam meningkatkan kutipan hasil *الْحَمْدُ لِلَّهِ* setakat ini melalui inisiatif-inisiatif yang telah dijalankan Kementerian Pembangunan telah menghasilkan kutipan sebanyak \$87.970 juta iaitu 75.8% daripada anggaran hasil keseluruhan bagi bulan Mac Tahun Kewangan 2017/2018. Antara usaha-usaha tersebut ialah:

1. Memperkenalkan perkhidmatan (*administrative charges*) bagi permohonan dan pendaftaran; dan
2. Langkah-langkah caj penguatkuasaan dan memperkenalkan *sub-mission fees* bagi setiap permohonan yang dihadapkan secara *online* atau melalui kaunter permohonan.

Manakala tunggakan hasil Kementerian Pembangunan sehingga Mac bagi tahun 2017/2018 berjumlah \$54.000 juta iaitu 24.2% pengurangan dibandingkan dengan tunggakan hasil sebelumnya.

Kertas Rangka Dasar Kementerian Pembangunan (hala tuju dan perancangan). Ke arah mendukung dan menuju pencapaian matlamat Wawasan Brunei 2035, khususnya bagi sektor infrastruktur guna tanah dan alam sekitar, satu Kertas Rangka Dasar Kementerian Pembangunan iaitu *Ministry of Development Policy Frame Work Paper* telah pun disediakan,

Antara lainnya, mengandungi hala tuju dan komitmen-komitmen kementerian dalam bidang-bidang yang menjadi keutamaan (*focus area*) iaitu dalam sektor guna tanah dan perancangan, perumahan yang mampan, pembangunan infrastruktur, alam sekitar yang mampan, pembangunan kapasiti industri, pembinaan dan pembiayaan infrastruktur melalui kaedah-kaedah lain. Sektor guna tanah dan perancangan.

Mengenai hala tuju perancangan dan guna tanah, teras utama kementerian ini memastikan perancangan dan penggunaan tanah adalah secara optimum dengan memfokuskan terhadap mendukung kegiatan sosioekonomi. Selaras dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam titah baginda semasa Majlis Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara iaitu untuk menggerakkan pertumbuhan pertanian, Kementerian Pembangunan telah menggazetkan sejumlah 3,041.65 hektar tanah bagi pertumbuhan bidang

pertanian untuk tempoh sehingga *tahun* 2015 dan seterusnya, Pelan Induk Negara Brunei Darussalam menyarankan kemajuan ditumpukan dalam kawasan yang digelar *urban footprint* atau kawasan bandar sahaja dengan kemajuan yang lebih mampan atau kompak (*compact*).

Sementara antara strategi utama yang dikenal pasti bagi memastikan penggunaan tanah yang lebih optima adalah meningkatkan kepadatan tanah, menggalakkan kemajuan sisipan (*infill development*) dan kemajuan menegak (*vertical development*).

Dalam hal meningkatkan kepadatan tanah, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa sedang giat mengkaji semua kadar kepadatan tanah perumahan yang sedia ada termasuklah nisbah plot atau *plot ratio* kemajuan.

Mengemaskinikan kapasiti undang-undang yang sedia ada untuk memperkesakan tugas-tugas utama jabatan supaya lebih efektif juga sedang dilaksanakan dan peraturan-peraturan Perancang Bandar dan Desa (kompisisi kesalahan) telah digubal yang telah diperkenankan pada bulan Mei 2017.

Peraturan-peraturan ini memberi bidang kuasa kepada jabatan untuk mengenakan kompaun bagi sebarang kesalahan di bawah Bab 23 Akta Perancang Bandar dan Desa.

Bagi mendukung pembangunan yang berterusan yang boleh menyumbang kepada keluaran Dalam Negara Kasar

(KDNK), pusat-pusat pertumbuhan atau *growth center* di kawasan-kawasan bandar, di pinggir bandar dan luar bandar telah dikenal pasti dalam pelan-pelan daerah (*District Plan*) untuk disediakan konsep kemajuan dan potensi pelaksanaannya.

Sebagai kesinambungan kepada usaha berterusan ini pihak jabatan telah pun mengenal pasti lima kawasan untuk disediakan skim-skim perancangan yang dijangkakan siap pada tahun ini. Tujuan utama skim-skim perancangan ini bagi kegunaan pihak-pihak berkenaan dalam mengawal atau menyelaras kemajuan di kawasan berkenaan.

Bagi mendukung *ease of doing business* dan perkhidmatan yang lebih mantap kepada orang ramai secara amnya kebenaran perancangan pelan bangunan secara proses kebenaran kesiapan kemajuan (*occupation permit*), jumlah 20 prosedur dalam tempoh 83 hari seperti yang dilaporkan oleh *World Bank of Ease of Doing Business Report 2018* adalah di dalam proses penyelarasan (*streamlining*) dengan sasaran 12 prosedur sahaja dalam tempoh 60 hari melalui 6 peringkat pelaksanaan.

Secara purata tempoh kebenaran sepanjang tahun 2017 bagi permohonan kebenaran perancangan ialah 13 hari jika dibandingkan dengan tempoh *TPOR* 14 hari. Sementara itu, tempoh purata bagi kebenaran pelan bangunan iaitu 9 hari bagi tempoh 14 hari *TPOR* dan 4.5 hari bagi kesiapan kemajuan jika

dibandingkan dengan tempoh *TPOR* 7 hari.

Dalam masa yang sama, Kementerian Pembangunan sedang berusaha dalam meneliti dan mengemaskinikan perancangan dasar dan undang-undang yang berkaitan agar selaras bagi menangani isu masa kini.

Jabatan Tanah juga dalam usaha meningkatkan keberkesanan proses dan sistem maklumat permohonan pendaftaran tanah atau dikenali sebagai *Land Application Registration Information System (LARIS)* yang bermula sejak Februari 2017 yang membolehkan pemilik tanah atau pihak peguam menghadapkan permohonan hالهال tanah secara *online (Land Application)*.

Statistik sehingga Mac 2018 menunjukkan permohonan tanah melalui *LARIS* telah mencatat 90% penggunaannya dibandingkan dengan melalui kaunter perkhidmatan. Keberkesanannya sedang dalam kajian. Mengikut perangkaan Jabatan Tanah sehingga bulan Mac 2018 sejumlah 79,767 lot tanah bergeran telah didaftarkan di seluruh negara iaitu cukai tanah yang sepatutnya dikutip oleh kerajaan bagi jumlah tersebut dianggarkan berjumlah \$6.7 juta.

Tunggakan cukai tanah adalah sebahagian besar daripada tunggakan hasil Jabatan Tanah yang mengandungi jumlah yang terkumpul dari tahun-tahun kebelakangan.

Jabatan Tanah telah menjalankan pelbagai usaha untuk mengutip tunggakan hasil cukai tanah melalui pembayaran *online*, penggunaan media massa, iklan papan tanda, notis tuntutan, sekatan permohonan kemajuan tanah, pemotongan baksis dan sebagainya. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** melalui pelaksanaan perbagai inisiatif ini sebanyak 32% penurunan tunggakan telah dicapai pada Tahun Kewangan 2017/2018.

Perumahan Negara yang mampan. Penyediaan Skim Perumahan yang mampan dan berdaya tahan kepada rakyat yang memerlukan bantuan perumahan adalah satu keutamaan kerajaan untuk meningkatkan kualiti hidup dan menyumbang ke arah kestabilan hidup, politik dan sosial. Dalam menyediakan skim perumahan yang mampan sehingga Februari 2018, Rancangan Perumahan Negara telah memperuntukkan 26,952 buah rumah terdiri daripada 22,139 buah di bawah Skim Rancangan Perumahan Negara dan 4,813 buah rumah di bawah Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati.

Manakala sejumlah keseluruhan 1,932 lot tanah juga telah diperuntukkan terdiri daripada 1,888 di Rancangan Perumahan Negara dan 48 lot di bawah STKRJ. *Housing Focus Group (HFG)* sebuah *taskforce* yang telah ditubuhkan pada tahun 2016 dan dianggotai oleh agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam program-program bantuan perumahan dan bertujuan menangani isu-isu bantuan perumahan secara bersepadu telah mengenal pasti

beberapa tindakan utama yang telah dilaksanakan seperti berikut:

1. Penyejajaran antara Skim Bantuan yang sedia ada yang dikendalikan oleh beberapa agensi kerajaan untuk menghasilkan bantuan perumahan yang holistik dan inklusif kepada rakyat yang memerlukan bantuan perumahan;
2. Mereviu syarat-syarat kelayakan bagi mendapatkan bantuan di bawah Skim Perumahan Negara untuk memastikan ia selaras dengan objektif kerajaan untuk membantu rakyat yang memerlukan bantuan untuk mendapatkan perumahan. Antara persyaratannya yang diteliti semula ialah dari segi kelayakan umur, taraf kelamin, tahap pendapatan pemohon dan keperluan untuk menabung perumahan;
3. Menerokai mekanisme alternatif bagi penghasilan perumahan yang lebih berdaya tahan di samping berpotensi dalam melibatkan kos kepada kerajaan. Antara mekanisme yang telah dinilai ialah kaedah *Public Private Partnership (PPP)* di beberapa kawasan perumahan yang ada termasuk di kawasan perumahan Kampung Lugu; dan
4. Meneliti peralihan Jabatan Kemajuan Perumahan kepada Lembaga Perbadanan untuk menyelaras pelaksanaan dasar dan pengurusan program-program bantuan perumahan sesuai dengan

pembaharuan-pembaharuan yang sedang dirancang.

Bagi menangani isu-isu pelanggaran peraturan dan syarat-syarat perumahan seperti penambahan rumah tanpa kebenaran, membina bangunan yang berasingan yang berbentuk kekal mulai bulan Oktober 2017, Jabatan Kemajuan Perumahan telah diberi mandat bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan mengikut peraturan di bawah Akta Seksyen 23 dan Seksyen 24 *Building Control Order (BCO)*.

Pihak orang ramai dinasihatkan bagi memohon kebenaran dari pihak *ABCi* bagi sebarang penambahan rumah. Setakat ini sebanyak 378 kes penguatkuasaan pelanggaran peraturan dan syarat telah dijalankan yang berhubung kait dengan pengubahsuaian dan penambahan rumah tanpa kebenaran daripada pihak yang berkenaan.

Usaha yang sama juga dijalankan terhadap penguatkuasaan penyewaan dan penjualan rumah Perumahan Perancangan Negara kepada pihak ketiga dalam menjalankan perniagaan. Usaha bagi mengurangkan tunggakan juga diteruskan dengan pencapaian pengurangan tunggakan sebanyak \$31.5 juta pada tahun ini dibandingkan dengan tahun lepas.

Bagi kawasan perumahan, perkhidmatan pengutipan sampah secara berlanggan telah diperkenalkan di Rancangan Perpindahan Negara Kampung Lugu bermula bulan Ogos 2017 dan dikuatkuasakan dalam terma

persetujuan mendiami rumah untuk dilaratkan kepada kawasan perumahan yang lain.

Mengenai isu kebersihan dalam kawasan perumahan negara, salah satu langkah adaptasi yang dijalankan masa kini adalah dengan menggalakkan penglibatan penghuni-penghuni perumahan melalui ketua-ketua kampung dalam sama-sama memelihara kebersihan persekitaran seperti memotong rumput di kawasan perumahan dan pembersihan longkang tanpa bergantung sepenuhnya pada pihak kerajaan.

Contoh-contoh kejayaan langkah kerjasama ini dapat dilihat dari kawasan perumahan seperti Skim Perumahan Meragang, Bukit Beruang di Tutong, Perumahan Rataie di Temburong, Perumahan Panchor di Mengkubau dan Rimba. Usaha ini telah pun menunjukkan kepimpinan dan *mindset* serta semangat yang positif daripada ketua-ketua kampung terutama sekali bagi yang bertanggungjawab di kawasan skim-skim perumahan berkenaan yang dijadikan sebagai inspirasi bagi penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung dan majlis-majlis perundingan kampung yang lain untuk mencontohinya.

Pembangunan infrastruktur. Pembangunan infrastruktur memainkan peranan penting dalam memperkaya kualiti hidup rakyat dan juga pertumbuhan ekonomi negara. Menyentuh tentang pembangunan dan pengurusan prasarana jalan raya di

negara ini, Kementerian Pembangunan amat mengambil berat tentang aspek keselamatan dan keselesaan para pengguna jalan raya.

Sejauh ini Kementerian Pembangunan telah mencatatkan sejumlah kira-kira 3,100 km panjang jalan raya bagi seluruh negara dan jumlah ini akan dijangka meningkat pada masa akan datang.

Ke arah ini berbagai-bagai program penambahbaikan, pemeliharaan dan peningkatan telah pun diatur menerusi program tahunan yang juga jangka panjang melalui Rancangan Kemajuan Negara bagi rangkaian sistem jalan raya.

Dalam pada itu, Kementerian Pembangunan juga melaksanakan program ke arah peningkatan perhubungan (*connectivity*) bagi membuka peluang perkembangan aktiviti sosioekonomi dan juga penyelesaian isu kesesakan jalan raya yang kian meningkat melalui pembangunan prasarana jalan raya dan jambatan dengan beberapa projek mega telah pun siap dilaksanakan dan dibuka kepada lalu lintas.

Antaranya ialah projek pembinaan jejambat-jejambat di persimpangan Jalan Gadong dan Jalan Telanai, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha dan Jalan Pengiran Babu Raja, Lebuhraya Muara Tutong, Meragang dan projek pembinaan lorong kedua Seria *by pass* fasa 2 serta Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha.

Dengan terbinanya projek-projek sedemikian, maka jelas kelihatan impak-impak positif yang ketara iaitu kawasan-kawasan yang terlibat telah menunjukkan kelancaran pergerakan lalu lintas yang sebelum ini menjadi keluhan para pengguna jalan raya.

إِنَّ شَاءَ اللَّهُ untuk tahun-tahun mendatang, program-program peningkatan dan perkembangan infrastruktur jalan raya sudah pun diatur dalam menampung isu kesesakan lalu lintas terutama di kawasan perumahan negara dan kawasan persekolahan.

Seterusnya dalam menanggapi isu mitigasi banjir, meningkatkan sanitasi perlindungan pesisiran pantai dari hakisan, Kementerian Pembangunan meneruskan usaha dalam mengutamakan langkah-langkah peningkatan secara holistik dan integrasi bersama agensi-agensi lain. Melalui projek-projek yang telah dilaksanakan selama ini, kerajaan telah berhasil mengurangkan kawasan banjir berisiko ke-55%, meningkatkan perlindungan pantai dan hakisan ke-60% dan meningkatkan sistem sanitasi ke-93% dan berhasrat untuk terus meningkatkan perkhidmatan melalui projek-projek yang dicadangkan dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 (RKN 11).

Dalam menangani cabaran perubahan iklim, selaras dengan pelan strategik Jabatan Saliran dan Pembetungan untuk mengurangkan kawasan banjir, usaha bagi membina kolam tadahan, menaikkan taraf *system connectivity*



serta mendalami dan membesarkan saluran sungai akan diteruskan.

Di samping itu juga, kerja-kerja pemeliharaan juga diberi perhatian bagi memastikan fungsi sistem saluran utama (*storm drain*) yang memuaskan melalui kerja-kerja pemeliharaan secara kontrak penggal. Penekanan juga diberikan kepada tahap pemantauan dan proses peningkatan dalaman dalam pengurusan pengawalan kemajuan tanah dan impak kemajuan isu banjir.

Dalam pencapaian pembekalan air, hampir 100% kepada penduduk dan rakyat negara ini, Kementerian Pembangunan juga memberikan tumpuan dalam RKN Ke-11 bagi memastikan pengurusan sumber air yang efisien dan pengeluaran air bersih mengikut piawaian *World Health Organization* serta mengurangkan kadar pembaziran air dari 45% ke tahap yang lebih rendah melalui penggantian paip-paip air lama.

Kos pengeluaran air bagi setiap meter padu adalah 90 sen permeter padu, manakala kos bayaran pemakaian setiap meter padu ialah hanya 11 sen sahaja setiap pemakaian sehingga 54 meter padu.

Ini bermakna sejumlah besar bekalan air disubsidi oleh kerajaan. Dengan penggunaan air di negara Brunei yang masih antara yang tertinggi di rantau Asia dengan pemakaian 380 liter seorang sehari mengikut kajian terbaharu Jabatan Perkhidmatan Air. Ketahanan sumber air kita bagi generasi

yang akan datang akan terjejas jika kesedaran dalam penggunaan air secara bijak dan berjimat masih pada tahap rendah.

Ke arah ini, usaha-usaha berterusan dalam memberi kesedaran kepada orang ramai untuk mengamalkan budaya berjimat dan penggunaan air secara bijaksana serta usaha kementerian dalam pengendalian penggantian paip-paip lama termasuk penelitian harga tarif air juga telah dan sedang dilaksanakan.

Berikutan itu, Kementerian Pembangunan telah menyiapkan pengkajian dan penelitian mengenai harga tarif air yang ada pada masa ini dengan bertujuan bukan sahaja untuk mengurangkan subsidi kerajaan tetapi juga untuk mengubah minda masyarakat kita supaya penggunaan air yang lebih optimum malahan juga mengurangkan pembaziran tanpa mejejaskan pihak yang berpendapatan rendah.

Manakala penggunaan air bermeter, meter air prabayar (*prepaid metre*) bagi menggantikan sistem meter air *conventional* yang sedia ada, juga sedang dalam rancangan untuk dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bertujuan untuk menangani isu-isu pembayaran bil air dan tunggakan.

Alam sekitar yang mampan. Dalam pembangunan negara perlindungan pemeliharaan dan pengawalan impak projek-projek kepada alam sekitar bagi

yang dijalankan oleh pihak pemborong, industri, pengusaha mahupun pertubuhan bukan kerajaan juga ditekankan melalui pengawasan alam sekitar (*environmental stewardship*). Ini bagi mencapai kualiti alam sekitar yang tinggi di samping mempertingkatkan ekonomi negara.

Selain daripada itu, selaku pengguna pula kita perlu memainkan peranan dalam memastikan keindahan alam sekitar sentiasa terpelihara, menjaga kebersihan alam sekitar, memerlukan komitmen dari semua pihak.

Dengan penubuhan Jawatankuasa Induk Kebersihan yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan bersama dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Kesihatan yang memfokuskan kepada 3 bidang jurusan iaitu infrastruktur, kesedaran dan undang-undang.

Ia menjurus kepada pelaksanaan usaha-usaha bagi menangani isu-isu kebersihan melalui agensi-agensi kerajaan, bukan kerajaan, ketua-ketua kampung dan orang ramai secara bersepadu.

Pada tahun 2017, kerajaan telah membelanjakan lebih kurang \$5.4 juta bagi Pengurusan Sampah termasuk pemeliharaan sistem infrastrukturnya. Kementerian Pembangunan akan terus berusaha bagi meningkatkan sistem pembersihan sampah secara berintegrasi dengan agensi-agensi yang berkaitan terutama sekali dari segi hal penguatkuasaan.

Pembangunan Kapasiti Industri Pembinaan. Bagi mencapai matlamat Kementerian Pembangunan dalam mewujudkan industri pembinaan yang produktif dan kompeten adalah menjadi keutamaan bagi menekankan usaha pada perubahan asas secara industri pembinaan beroperasi.

Antara usaha ialah penekanan dalam penggunaan barangan perkhidmatan dan peluang pekerjaan tempatan (*local business development*) melalui projek-projek yang dilaksanakan. Penekanan dan keutamaan terhadap *local contain* dalam pendaftaran pemborong, pelantikan konsultan dan pemborong bagi pelaksanaan projek-projek kementerian telah pun dilaksanakan sejak dahulu lagi hingga sekarang.

Pembiayaan infrastruktur atau *infrastructure financing*. Sebagai salah satu fokus utama di bawah Kertas Kerangka Dasar Kementerian Pembangunan perlu memperluaskan sumber pembiayaan alternatif dengan mudah cara pembiayaan infrastruktur yang lebih efektif.

Ia sangat penting dengan mengambil kira komitmen kerajaan untuk menampung perbelanjaan pembinaan infrastruktur yang semakin meningkat demi menjamin kepesatan pertumbuhan sosioekonomi negara.

Ke arah ini kementerian telah mengenal pasti betapa pentingnya untuk melaksanakan beberapa pembaharuan institusi serta reformasi dasar (*international and regulatory reform*)

untuk membolehkan kementerian ini bergerak ke hadapan bagi melaksanakan kepelbagaian dalam pembiayaan infrastruktur yang lebih berdaya saing.

Keperluan bagi meningkatkan pelaburan perkongsian awam swasta (*PPP*) pula adalah untuk merangka garis panduan yang jelas dalam bidang utama projek-projek infrastruktur yang berpotensi tinggi serta *bankable* yang dapat diselesaikan bagi pelaburan *PPP*.

Pencapaian. Mengenai pencapaian di kementerian dalam sepanjang tahun 2017 beberapa buah projek mega telah pun siap dilaksanakan bagi mendukung pelaburan ekonomi dalam sosial dengan 2 daripada projek telah dibuka rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada bulan Oktober 2017 iaitu sempena Sambutan Jubli Emas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta seperti berikut:

1. Pembinaan Taman Mahkota Jubli Emas yang merupakan sebuah taman rekreasi yang mencerminkan identiti dan budaya negara yang berkonsepkan MIB. Ia turut menyumbang kepada landasan perekonomian dalam negara dan sebagai tarikan pelancong dan pelabur; dan
2. Pembinaan Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha yang

merupakan *cablestair bridge* yang pertama di negara ini sebagai penghubung di antara Sungai Kebun dan Jalan Residency di Kawasan Bandar Seri Begawan. Jambatan ini dibina bagi meningkatkan pergerakan penduduk, perdagangan dan *accessibility* serta penggalakan integrasi ekonomi tempatan.

Kedua-dua projek ini merupakan tanda selaras dengan perancangan induk Bandar Seri Begawan untuk menjadikan pusat bandar yang dinamik, kompetitif, cantik dan berdaya tahan di samping menjana aktiviti perekonomian untuk dijadikan legasi kepada generasi masa akan datang.

Manakala projek Empangan Ulu Tutong yang telah siap pada hujung bulan Jun 2017 merupakan sumber bekalan air bagi Daerah Brunei Muara dan Tutong dijangkakan dapat bertahan hingga ke tahun 2040 dan seterusnya, jika kadar penggunaan air dapat dikurangkan melalui kesedaran orang ramai dan usaha kerajaan dalam mengawal penggunaan air.

Begitu juga dengan peningkatan bekalan air bersih Daerah Brunei Muara, terutama sekali bagi Perumahan Mentiri dan Muara dengan menyiapkan projek pemasangan paip utama dari Bukit Barun ke Daerah Brunei Muara di sepanjang Lebu Raya Muara Tutong.

Di sinilah pentingnya kesedaran menggunakan air dengan bijaksana membaiki kebocoran paip dan meningkatkan amalan penjimatan air,

antaranya melalui *rain water harvesting* (pengumpulan air hujan) agar bekalan air dapat diteruskan sehingga generasi yang akan datang.

Projek Skim Pencegahan Banjir di Kawasan Penaga, Daerah Belait juga turut menyumbang kepada pengurangan banjir, masalah banjir di kawasan-kawasan rendah yang sering dilanda banjir antara projek yang baharu disiapkan.

Manakala, projek pembinaan Jambatan Penghubung Daerah Brunei Muara dan Temburong sepanjang 26 kilometer sedang giat dilaksanakan dan kemajuan keseluruhan projek masa ini ialah 43.8% iaitu 50 hari lebih awal daripada tarikh yang dijadualkan.

إن شاء الله keseluruhan projek ini akan dijangkakan siap pada penghujung tahun 2019 dan penggunaannya akan bermula pada suku tahun pertama tahun 2020 tertakluk kepada kajian aliran trafik dan kerja-kerja urusan dan penyelarasan sempurna dilaksanakan.

Kesan *spend of project* ini terhadap negara adalah menggalakkan. Setakat ini seramai 192 orang anak tempatan yang berkerja terdiri daripada 63 orang bertaraf pengurusan (*manageral level*) dan 129 orang bertaraf mahir dan separuh mahir. Jumlah keseluruhan pekerja anak tempatan melebihi daripada jumlah awal yang dinyatakan semasa peringkat tawaran.

Begitu juga dengan pelantikan kosultant dan pemborong yang berdaftar yang

terdiri daripada anak tempatan memegang jawatan pengurusan yang tinggi dan menggalakkan gabungan (*joint venture*) antara pemborong anak tempatan dengan luar negeri. Ini selaras dalam memenuhi hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam meningkatkan penglibatan anak tempatan secara mahir dan profesional.

Manakala penglibatan kontraktor tempatan (subkontrak) bagi 3 pakej kontrak utama ialah sejumlah 47.1% daripada jumlah harga kontrak dan 25.3% penggunaan bahan pembinaan yang dibekalkan dari pembekal tempatan.

Impak penyiapan projek jambatan ini nanti juga akan menyumbang kepada pertumbuhan sosioekonomi bagi Daerah Temburong melalui pusat-pusat pertubuhan di kawasan bandar dan lingkungan kawasan jambatan selaras dengan perancangan dan pelan-pelan kemajuan bandar dan desa bagi Daerah Temburong.

Mengenai pengurusan dan sumber tenaga program perkembangan profesional juga giat dijalankan kepada pegawai-pegawai profesional (arkitek, jurutera, juruukur, pegawai perancang, pegawai tanah) untuk mengikuti kursus latihan dan mendapatkan pengalaman dan bimbingan secara berterusan bagi membolehkan mereka memperolehi kompetensi dan pengalaman yang diperlukan untuk menjadi ahli

profesional badan berkanun (*chartered membership*) yang diiktiraf.

Setakat ini terdapat 73 orang pegawai profesional kementerian ini telah menjadi ahli badan berkanun kepada badan-badan profesional yang tersebut.

Manakala seramai 12 orang lagi dijangka akan menduduki peperiksaan dan temuduga untuk mendapatkan keahlian *Chartered Institution of Civil Engineers (ICE)* dalam bidang kejuruteraan pada bulan September tahun ini.

Di samping itu, kementerian ini juga giat mengadakan pelbagai jenis kursus teknikal dan bukan teknikal pada tahun 2017 seperti teknikal *development program* secara *in house* bagi kakitangan teknikal dalam Bahagian IV dan V dan akan meneruskan usaha-usaha bagi tahun 2018/2019 dalam memperkembangkan pegawai dan kakitangan yang berkemahiran dan berprofesional.

Akhir sekali Yang Berhormat Pengerusi, cabaran dalam mengharungi cabaran masa kini dan bagi memenuhi ekspektasi orang ramai, Kementerian Pembangunan akan terus memfokuskan usaha-usaha secara behemah dalam menangani isu-isu pemeliharaan dan penggantian aset yang lama (*ageing*) mitigasi banjir disebabkan oleh perubahan iklim.

Mempromasikan kesedaran penjimatan air dan kebersihan serta melaksanakan penguatkuasaan secara bersepadu dan

mengurangkan tunggakan. Di samping itu, usaha diteruskan bagi memperkukuhkan kesediaan organisasi agar menjadi dinamik dan beradaptasi bagi menjayakan setiap usaha pembaikan secara berdaya tahan selaras dengan moto Kementerian Pembangunan iaitu " Sedia Berkhidmat".

Semua perancangan dan usaha-usaha berterusan kementerian ini dalam menjalankan Pelan Strategik berpandukan *Policy Framework* sebagai hala tuju yang memfokuskan kepada sektor guna tanah perumahan yang mapan pembangunan infrastruktur dan penjagaan alam sekitar adalah semata-mata bagi mendukung hasrat murni Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mencapai wawasan Brunei 2035 nanti. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ**

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Sekianlah saja secara ringkas yang dapat kaola terangkan mengenai tumpuan-tumpuan dan perkara-perkara keutamaan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun Kewangan 2018/2019 untuk kegunaan dan pengetahuan bersama.

Sekian, **السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ**

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, kita telah pun mendengar penerangan daripada Yang Berhormat Menteri Pembangunan yang dibuatnya secara terperinci dan komperhensif mengenai hala tuju bajet kementeriannya.

Sebelum Tajuk ini dibuka untuk dibahaskan, saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat supaya pertanyaan-pertanyaan atau soalan-soalan yang akan ditimbulkan itu ada lebih baik ditumpukan atau difokuskan kepada bajet belanjawan kita ini.

Begitu juga dengan jawapan-jawapan atau pun respons-respons yang akan dibuat nanti biarlah menumpukan kepada soalan-soalan yang ditimbulkan sahaja kerana saya kesal kita masih lagi mempunyai banyak Tajuk-Tajuk yang perlu kita bincangkan yang memerlukan perhatian kita seterusnya.

Saya mempunyai senarai yang agak panjang Yang Berhormat dan saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

**Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

أَلْسَلَامٌ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Ahli-Ahli Yang Berhormat yang berada di Dewan majlis yang mulia ini. Saya ucapkan tahniah dan terima kasih atas usaha Kementerian Pembangunan seperti yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Saya ingin menyentuh beberapa perkara di bawah 3 Tajuk iaitu:

1. Perancangan Bandar dan Desa iaitu di bawah pengurusan projek dan pembangunan prasarana kemudahan. الْحَمْدُ لِلَّهِ disambut baik pihak kerajaan dalam menyediakan usaha-usaha untuk memastikan kebersihan terutama sekali dalam penyediaan tong-tong sampah di taman rekreasi kitani termasuk Taman Mahkota Jubli Emas dan diharap orang kitani dapat manfaatkannya tahniah diucapkan.

Di sini perkara saya ingin ketahui ialah akan *connectivity* antara infrastruktur-infrastruktur bangunan kawasan letak kereta dan kemudahan awam untuk memudahkan lagi orang ramai untuk berjalan kaki. Antara maklum balas orang ramai adalah bukanlah jarak yang jauh menjadi masalah akan tetapi kawasan untuk berjalan kaki adalah terhad, walaupun hanya untuk bangunan sebelah. Apakah kiranya peruntukan dan perancangan dalam pembinaan bangunan dan perancangan kawasan sekurang-kurangnya di Bandar Seri Begawan sebagai usaha awal.

Kitani bagi fokus kepada pengguna pejalan kaki akan tetapi biarlah ia selesa dan kondusif contohnya kawasan *walkway* yang tertutup dari matahari dan hujan, mesra orang kurang upaya (OKU).

- Kawasan tempat duduk yang strategik untuk warga emas dan orang yang memerlukan menggunakannya serta bermacam-macam lagi *features* ataupun cara-cara lain untuk membuatnya kondusif;
2. Perkara SK08A-Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi. Di sini saya ingin bertanya apakah usaha pihak kementerian bila memastikan sisa pepejal dan pencemaran bagi *e-Waste* (sisa elektronik) dapat diusahakan memandangkan menurut laporan dari *United Nations University Institute For The Advanced Study Of Sustainability* iaitu laporan mereka *Global e-Waste* Negara Brunei Darussalam mengeluarkan 18.1 kilogram *per heavy ton* untuk *e-Waste* mereka berbanding dengan Hong Kong iaitu 21.5 kilogram *per heavy ton* dan Singapore 19.6 kilogram *per heavy ton* iaitu ketiga tertinggi; dan
  3. Terakhir sekali ialah perkara, 005/000 di bawah Tajuk yang sama iaitu Jabatan Alam Sekitar dan Taman Rekreasi. Apakah usaha dalam *environment impact assessment* kitani dalam memastikan eko sistem marin kitani tidak terjejas dengan usaha sektor perikanan kitani memandangkan sektor perikanan satu usaha untuk memastikan dalam *food security* kitani.

Antara cadangan-cadangan yang dapat diberikan ialah contohnya pemasangan *permanent buoy* atau mengehadikan beberapa kawasan tidak dibenarkan untuk membuat aktiviti perikanan serta dasar-dasar yang lain yang bersesuaian. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk membuat responsnya.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad mengenai dengan 3 soalan tadi iaitu:

1. Menyediakan pejalan kaki bagi kemudahan orang awam. Perkara ini telah pun dalam rancangan apabila pembinaan-pembinaan *probation* pembinaan jalan raya dan juga pembangunan-pembangunan secara *private*. Keperluan-keperluan ini memang tertakluk kepada tempat-tempat dan keadaan-keadaannya. Kalau ada keperluan memang akan dimasukkan.

Mengenai *OPKE* ialah salah satu daripada syarat bagi kemajuan-kemajuan persendirian ataupun *future development* untuk dimasukkan sebagai satu syarat di bawah peraturan, Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (*ABCI*). Mengenai *e-Waste* dan *ABCI impact assessment (EIA)*,

perkara ini kalau dapat ditangguhkan dulu kerana *information* perlu juga diperolehi sebelum menjawab soalan ini.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

**Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
 dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola merakamkan penghargaan dan tahniah atas pembentangan mukadimah Anggaran Perbelanjaan Kementerian Pembangunan 2018/2019 yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan sebentar tadi.

الْحَمْدُ لِلَّهِ dari pembentangan tadi ada dinyatakan peningkatan peruntukan kepada Kementerian Pembangunan. Semoga ia dapat dimanfaatkan dengan sebaik mungkin. Yang Berhormat Pengerusi, ada beberapa persoalan akan kaola bawa iatu:

1. Kaola akan membawa Tajuk SK02A - Jabatan Kemajuan Perumahan, Kod Akaun 002/000 iaitu Pengurusan Projek dan Pembangunan Prasarana Kemudahan berjumlah \$4,456.00,166.00. Soalan, adakah

rancangan untuk menyediakan tapak perusahaan seperti kawasan berkebun, bengkel dan perusahaan lain yang bersesuaian? Tujuannya ialah memberi peluang kepada penghuni, pengusaha, kerana kita maklum bahawa setiap orang akan menghadapi hari persaraan yang sudah pasti tidak lagi menerima pendapatan bulanan terutama Skim *TAP*, sukar menghadapi kehidupan kalau tidak ada usaha dan sampingan yang lain.

Permasalahan ini sudah pun dihadapi sekarang iaitu yang tinggal di Skim Perumahan Perpindahan. Dicadangkan jika boleh difikirkan memberi peluang pembinaan rumah di tanah milik sendiri di kampung masing-masing menurut dengan syarat-syarat pembinaan dan pembayaran balik seperti skim perpindahan juga. Dengan cara ini kampung-kampung berkenaan tidak lagi tinggal sunyi dengan perpindahan masyarakat kampung keluar meninggalkan kampung.

2. Tajuk SK03A – Jabatan Kerja Raya, Kod Akaun 002/000. Pengurusan Pembangunan Rangkaian Infrastruktur. Jumlah Anggaran Perbelanjaan 2018/2019 sebanyak \$54, 307,069.00. Soalan:

i. Adalah dicadangkan untuk membaikpulih atau membina jalan-jalan, mengubah suai dan membina pembahagi jalan dan tanda-tanda jalan yang sesuai di kawasan Daerah Tutong. Jalan-



jalan tersebut ialah Jalan Utama Lama yang umurnya sudah berdekad-dekad dari Jalan Keriam hingga jalan sempadan Kampung Katimahar yang sudah banyak pecah, berlubang dan bertingkat-tingkat;

- ii. Jalan Telisai hingga sempadan terakhir Daerah Tutong berdekatan Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Liang. Jalan ini juga perlu dibaik pulih daripada lubang-lubang kerana jalan ini sentiasa dilalui oleh kenderaan berat seperti lori pengangkut sampah, pengangkut pasir, *trailer* pengangkut peralatan binaan. Untuk perhatian kenderaan berat nampaknya kini lebih suka menggunakan jalan lama dari menggunakan Lebuh Raya Telisai-Lumut kerana ia lebih hampir.

Hal ini menyebabkan kawasan perumahan di sepanjang jalan ini terasa gegaran setiap kali laluan jentera berat dipandu laju melalui garis-garis kuning kawasan sekolah. Oleh itu, garis kuning dan garis putih *zebra crossing* dipohonkan untuk dicat semula, jalan depan sekolah dan jalan depan masjid.

Selain itu, dipohonkan juga pemasangan tanda jalan seperti had laju di kawasan yang belum ada di Lebuh Raya Telisai-Lumut dan Jalan

Lama Telisai-Sungai Liang. Juga pemasangan tanda menunjukkan beberapa jauh Pusat Kesihatan, tempat rehat dan mungkin juga hubungan-hubungan telefon dan sebagainya;

- iii. Benteng pembahagi jalan Lampu Isyarat Simpang Jalan Pengkalan Dalai, Sungai Paku berdekatan Balai Bomba dan Penyelamat Sungai Liang supaya dicat bergaris kuning yang *reflex* atau memantul cahaya atau diubah suai supaya dikecilkan dari arah Sungai Liang dan dipasang tanda *arrow* atau petunjuk.

Apa yang ada keadaan sekarang ini, cat garis-garis berbelang putih di benteng berkenaan tidak kelihatan pada waktu malam dan waktu hujan menyebabkan beberapa kejadian kemalangan seperti kenderaan naik tersadai di atas benteng berkenaan sehingga sekarang tanda *arrow* atau tanda petunjuk anak panahnya tidak ada lagi dan tiada diganti.

- iv. Jambatan Telamba yang dibina pada tahun 1956 sudah terlalu lama. Sedangkan jambatan yang seumur dan yang termuda kemudian sudah dinaik taraf atau sudah ada sudah jambatan alternatif. Oleh itu, perlu di ambil perhatian akan ketahanannya. Jika perlu berdasarkan sebab-sebab keselamatan yang memerlukan hubungan cepat,

adakah cadangan untuk membina jambatan merentangi Kuala Tutong untuk menghubungkan hujung Jalan Kampung Kuala Tutong dengan hujung Jalan Kampung Danau iaitu perjalanan yang lebih singkat; dan

v. Dicadangkan menurap lebuhraya yang licin dan berlopak mudah bertakung air semasa hujan di lebuhraya yang sering berulang-ulang terjadi kemalangan di tempat yang sama. Contohnya lebuhraya dari Telisai dan Jambatan Bukit Beruang dan Lebuhraya Bukit Udal berhampiran tempat pelupusan tayar Bukit Udal.

1. Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kod 004/000 iaitu Kawalan dan Pencemaran. Jumlah Anggaran Perbelanjaan 2018/2019 iaitu \$8,065,869.00.

i. Kaola ingin tahu perkembangan tempat-tempat pembuangan sampah yang telah dipohonkan oleh mukim-mukim dan kampung-kampung Daerah Tutong. Contohnya permohonan pemindahan tempat pembuangan sampah di Simpang Jalan Kecil Kampung Telabat Telisai,

permohonan Kampung Kiudang dan Mukim Rambai, tempat pembuangan sampah Kampung Bukit Beruang yang sering dibakar kontennanya;

ii. Apakah perkembangan proses menangani tebing Pantai Danau yang susur.

Yang Berhormat Pengerusi. Tajuk terakhir iaitu Jabatan Tanah, Kod akaun 003/000 – Peraturan dan Undang-Undang Tanah. Jumlah Anggaran Perbelanjaan 2018/2019 sebanyak \$850,052.00 sahaja. Soalan kaola:

i. Adakah cadangan memberi pilihan bagi yang mahu kepada pemilik tanah lagi menggantikan tanah bagi kawasan yang sering dilanda banjir dengan memindahkan di tempat lain dengan disediakan perumahan?;

ii. Apakah ada cadangan dari jabatan ini untuk membantu menyelesaikan pemilik yang tanahnya tersepit? Yang dimaksudkan tersepit ialah kedudukan tanah di belakang pemilik orang lain yang tidak membenarkan pemilik di belakang melebihi tanahnya. Hal ini sering menjadi perselisihan faham malah menjadi pergaduhan; dan

iii. Adakah pemikiran memberi kelonggaran syarat dan

pertimbangan menembok tanah persendirian bagi kawasan-kawasan yang sering dilanda banjir, khususnya kawasan Mukim Rambai dan Mukim Bokok?

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Sebelum saya meminta Yang Berhormat Menteri Pembangunan untuk menjawab, saya kira beberapa perkara yang ditimbulkan dalam soalan-soalan itu tadi ada lebih baiknya di daerah yang berkenaan yang mempunyai Pegawai Daerah dan juga jurutera yang berkenaan yang bertugas di daerah yang berkenaan itu berunding bersama-sama dengan Ahli Yang Berhormat supaya perkara-perkara *detail* seperti itu akan dapat dilaksanakan.

Setiap tahun kita berhadapan dengan perkara seperti ini yang tidak ada kesudahannya sebab kita di sini tidak dapat membuat pertimbangan "Ya" ataupun "Tidak" mengenai perkara-perkara yang ditimbulkan.

Jadi untuk menjadikan cadangan-cadangan saya bersetuju dengan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi yang merupakan cadangan-cadangan dari pihak-pihak akar umbi yang memerlukan perhatian. Tapi saya kira mungkin bukan perhatian kementerian tetapi lebih daripada kementerian *departmental*. Silakan Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. Mungkin soalan-soalan itu secara *departmental* boleh dijawab tetapi yang kaola ingin menjawab ialah mengenai beberapa soalan seperti mengenai tebing pantai susur di Danau.

Bagi penjelasan, untuk makluman bahawa Kementerian Pembangunan memang mengambil maklum mengenai hakisan di Pantai Danau, Telisai.

Untuk makluman juga pihak kementerian telah pun membuat beberapa langkah termasuk langkah-langkah jangka pendek dan panjang bagi mengawal hakisan di pantai tersebut dengan melaksanakan beberapa pecahan projek mengikut peruntukan dan kebenaran yang diberikan.

Projek mengawal hakisan pantai di Kampung Danau sudah pun mula dilaksanakan pada tahun 2008 yang mana projek ini telah pun berjaya mengawal hakisan pasir pesisir pantai sepanjang 2.3 kilometer dengan membina 8 buah *headland* atau struktur pemecah ombak. Pihak kementerian telah merancang untuk melaksanakan projek pengawalan hakisan pantai sepanjang 2.5 kilometer lagi iaitu projek pengawalan hakisan diteruskan sepanjang 600 meter selaras dengan projek-projek yang telah dilaksanakan.

Bagi menangani keadaan hakisan seterusnya, pihak Kementerian

Pembangunan melalui Rancangan Kemajuan Negara ke-11 akan berusaha untuk mengeluarkan tawaran bagi kawalan pesisiran sepanjang pantai Kampung Danau yang dijadualkan akan dikeluarkan tawaran pada sedikit masa saja lagi, bagi menangani hakisan di kawasan pesisir Pantai Telisai Danau.

Mudah-mudahan dengan penyiapan projek ini nanti akan dapat mengawal dan menstabilkan hakisan di kawasan tersebut yang melibatkan kira-kira 2 kilometer pesisir pantai dan ini termasuklah juga kawasan Keramat yang melibatkan kawasan pam bagi pengambilan air masin untuk ternakan udang hidup juga ikut terhakis sama.

Mengenai soalan tapak pembuangan sampah yang memerlukan pengawasan. Keadaan tapak-tapak pembuangan sampah yang disediakan oleh pihak kerajaan akan sentiasa dan secara rutin dipantau dan diawasi oleh pihak Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi. Ini termasuklah dari segi perkhidmatan kutipan sampah yang dilaksanakan setiap hari. Keadaan sekeliling tapak kondisi kontena-kontena atau tong-tong sampah yang disediakan dan yang lainnya.

Pihak jabatan juga ada merancang untuk menambah baik keadaan tapak-tapak pembuangan sampah yang difikirkan perlu bagi keselesaan dan kemudahan pengguna-penggunanya. Ini termasuklah mengganti kontena-kontena dan tong-tong sampah yang sudah rosak dan tidak dapat diperbaiki lagi. Menambah kapasiti tempat

pembuangan sampah berkenaan, membina dan mencantikkan keusulan dan penampilan tapak seperti menyimpan landskap di sekeliling tapak dan juga menempatkan penjaga bagi mengawasi tapak-tapak berkenaan.

Dalam hal ini bagi sama-sama menjaga kemudahan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan, penduduk-penduduk kampung dan pengguna-pengguna lainnya lebih ditegaskan untuk menggunakan tapak pembuangan sampah dengan sebaiknya. Terdapat segelintir mereka yang tidak bertanggungjawab dengan hanya mencampakkan di permukaan sampah di sekeliling tapak pembuangan sampah bukannya ke dalam kontena atau tong-tong sampah yang disediakan.

Yang lebih menyedihkan lagi ada yang membakar sampah-sampah yang digunakan di dalam kontena atau tong sampah. Ini menyebabkan kerosakan kepada kontena atau tong sampah berkenaan. Padahal memajukan tapak-tapak pembuangan sampah dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan memerlukan pihak kerajaan berbelanja melaksanakan dan memeliharanya.

Soalan-soalan lain, kalau dapat Yang Berhormat Pengerusi akan dijawab setelah mendapat maklumat yang terperinci nanti. Terima kasih Yang Berhormat.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Di sini kaola akan menyentuh beberapa perkara:

1. Tajuk SK01A - Jabatan Kementerian Pembangunan iaitu masalah banjir di Daerah Tutong. Banjir ini maksud saya Daerah Tutong memanglah tidak dinafikan banjir sudah menjadi darah daging di Daerah Tutong. Setiap tahun mesti mengalami banjir. Masalah yang kaola timbulkan ini ialah masalah banjir kilat yang jarang berlaku sebelum ini, kalau banjir yang biasa terjadi di hujung tahun itu memang persediaan di buat.

Banjir ini banjir yang tidak menentu, asal hujan banjir maka ia melibatkan juga kerosakan dalam rumah kerana air itu masuk ke dalam rumah. Ini terjadi kerana sepanjang dua tiga tahun ini, longkang kebanyakannya pengaliran air tidak lancar disebabkan rumput dalam longkang berkenaan tidak dibersihkan.

Anak-anak sungai kurang dipelihara dan jarang dibersihkan menyebabkan sungai berkenaan penuh dengan mendapan air, pasir dan tanah. Pemothon rumput di tepi jalan raya kurang memuaskan, masih panjang menyebabkan apabila musim hujan, air hujan tersebut bertakung di atas jalan raya iaitu tidak mengalir ke dalam longkang.

Dalam Dewan yang mulia ini, saya mewakili penduduk kampung Zon 2, yang rumah-rumah mereka banyak yang terlibat dalam banjir kilat ini, sama juga Zon 1, supaya pada bajet yang ada sekarang ini dapatlah diusahakan terutama sekali mendalamkan longkang-longkang yang sekarang ini, bukan lagi rumput, kayu pun sudah tumbuh.

2. Kaola menyentuh mengenai jalan raya. Saya menyokong tadi apa yang dipohonkan atau disampaikan oleh sahabat saya, Yang Berhormat Awang Haji Ramli. Kalau sepanjang tahun, setiap Majlis Mesyuarat, ada memohon untuk peruntukan menaiktarafkan jalan utama dari simpang Penanjong sampai ke simpang Jerudong iaitu melihat semua jalan-jalan utama di daerah-daerah lain sudah pun dinaik taraf.

Sebenarnya, jalan utama Tutong ini jalan yang sudah lama dan ia sebagai jalan penghubung utama bagi penduduk-penduduk Daerah Tutong selain menggunakan *highway*, selain untuk bekerja juga untuk membawa hasil pertanian mereka ke bandar, diharap untuk dapat disegerakan peruntukannya.

3. Memohon juga supaya dibina cepat iaitu pembinaan *flyover* di Simpang "4", *Highway* Tutong, Muara, Kuala Belait, Pekan Tutong kerana nampaknya, memandangkan peningkatan jumlah perumahan dan kenderaan yang menggunakan *highway* tersebut menyebabkan

- kesesakan lalu lintas bukan sahaja untuk orang yang menggunakan *highway* dari Kuala Belait ke Bandar Seri Begawan tetapi juga melibatkan penduduk di Daerah Tutong.
4. Juga dipohonkan disegerakan iaitu supaya pembinaan *flyover* Tutong-Muara-Tutong iaitu Persimpangan Tanjung Maya, memandangkan persimpangan ini tempat keluar masuk kenderaan bukan sahaja penduduk Mukim Tanjung Maya tetapi mukim-mukim pedalaman iaitu Mukim Ukong, Mukim Rambai, Mukim Lamunin yang berurusan bukan saja untuk urusan kerja tetapi juga urusan anak sekolah yang ada yang bersekolah di bandar dan di Kuala Belait. Begitu juga urusan kerja di pusat bandar dan di Kuala Belait yang mereka ini terpaksa menggunakan *U-Turn* yang berbahaya dan diharap pada tahun-tahun akan datang, jika ada peruntukan untuk disegerakan.
  5. Seterusnya, kaola memohon supaya jambatan-jambatan besi yang masih terdapat di kawasan Tutong 1 iaitu Sungai Damit Pamadang iaitu menggunakan jambatan besi yang sudah lama mungkin dalam 30 tahun. Begitu juga jambatan besi yang ada di Lubok Pulau yang mungkin tidak ada lagi terdapat jambatan ini di daerah lain, hanya mungkin di Daerah Tutong sahaja. Dipohonkan supaya dibina jambatan konkrit.
  6. Mengenai perumahan perpindahan, <sup>الْحَمْدُ لِلَّهِ</sup> penduduk di Daerah Tutong seperti di daerah-daerah lain telah menikmati rumah perpindahan negara iaitu Perumahan Kampung Bukit Beruang. Kaola mencadangkan:
    - i. Supaya dibina musollah (surau). Di mana-mana perumahan yang jauh dari masjid terutama sekali berdekatan dengan rumah-rumah yang dibina secara teres yang tujuannya untuk memudahkan mereka ini berkumpul sama ada mengadakan acara keagamaan, kemasyarakatan dan juga sebagai tempat belajar bagi kelas-kelas Al-Quran dan menghubungkan silaturahim dan tempat kegunaan mungkin anak-anak mereka untuk belajar mengulang kaji pelajaran memandangkan bilik-bilik rumah teres ini tidak sesuai kerana sempit lebih-lebih lagi bagi keluarga yang ramai;
    - ii. Mana-mana agensi yang berkepentingan supaya mengadakan kaji selidik berhubung dengan pencapaian akademik anak-anak atau pelajar-pelajar yang tinggal di rumah-rumah teres memandangkan tempat mereka belajar di rumah

tersebut terhad yang cuma ada 3 bilik terdiri daripada bilik-bilik tidur dan bilik tamu yang begitu sempit.

Itulah sahaja yang kaola sampaikan. Terima kasih.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong mengenai persoalannya. Kaola akan cuba menjawabnya.

Mengenai isu banjir memanglah satu perkara yang kita alami pada masa ini dan Jabatan Saliran dan Pembetulan sentiasa akan meneruskan kerja-kerja pemeliharaan dan juga pembersihan longkang-longkang seperti yang disebutkan tadi.

Projek-projek bagi mengurangkan kejadian-kejadian banjir di tempat-tempat yang mudah banjir telah pun banyak dilaksanakan di Daerah Tutong dan mengikut keutamaan tempat-tempat yang memang selalu dilanda banjir menjadi tumpuan untuk diteruskan kerja-kerja pembersihan ataupun *routine maintenance*.

Mengenai cadangan-cadangan seperti yang telah ditimbulkan tadi, Jabatan Kerja Raya akan mengambil maklum dengan cadangan-cadangan tersebut seperti membina jambatan besi ke konkrit. Ini memerlukan peruntukan yang agak tinggi. Jika ada keperluan-

keperluan utama, keutamaan akan diusahakan.

Mengenai Perumahan Kampung Bukit Beruang iaitu cadangan bagi membina surau dan masjid, mungkin perkara ini akan dibincangkan dengan pihak-pihak yang berkenaan. Kaji selidik mengenai anak-anak yang tinggal di perumahan berkenaan akan dibincangkan dengan kementerian-kementerian berkenaan. Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan, Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

**Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari:** Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. الْحَمْدُ لِلَّهِ kaola membawa Tajuk SK02A – Jabatan Kemajuan Perumahan.

Sebagaimana rakyat Negara Brunei Darussalam telah mendapat الْحَمْدُ لِلَّهِ Skim Perumahan Negara dan bermacam-macam perumahan yang telah dibangunkan serta dimajukan tetapi Yang Berhormat Pengerusi, kaola melihat adanya tidak keseimbangan dalam pembangunan perumahan negara pada tahun 1980-an sehingga masa ini. Pada awal skim-skim perumahan keluasan tapak rumah seluas 0.25 ekar tetapi sekarang makin mengecil.

Pembinaan rumah juga berbeza, pada awalnya rumah-rumah dibina sebuah-sebuah kemudian kembar, rumah teres dan kluster, sementara skim tapak tanah untuk membina rumah juga diadakan pada awalnya. Pada awalnya, rakyat tiada pilihan dan terpaksa menerima rumah-rumah kluster, teres dan sebagainya.

Dilihat ini membuka ruang yang ketara pada orang-orang yang berkemampuan dan orang yang kurang berkemampuan. Sebenarnya rakyat yang kurang berpendapatan pun ingin untuk mendapat rumah-rumah sebuah-sebuah seperti mana contohnya perumahan di Kampung Lumapas, walaupun ia kecil tetapi ia tetap sebuah-sebuah.

Maka, dipohonkan kemungkinan jika ia masih dapat diberikan supaya perumahan-perumahan diberikan sebuah-sebuah.

Seterusnya, ialah Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya. Apakah perancangan pihak jabatan dalam menangani masalah banjir *as a whole nation*, seperti masalah banjir di Zon 5 yang masih menjadi masalah setiap kali hujan turun.

Walaupun hanya dengan hujan semalaman iaitu di Kampung Lumapas dan sebahagian Kampung Batu Ampar, Pangkalan Batu, Daerah Brunei dan Muara dan Jabatan Saliran dan Pembentungan terdapat *group whatsapp* bersama Penghulu dan Ketua Kampung.

Seterusnya ialah Tajuk SK06A - Jabatan Tanah:-

1. Apakah ada perancangan untuk membukakan semula Tanah Tumpang Sementara (*TOL*)? Bagi pembinaan rumah di kampung-kampung dan mukim-mukim, seperti yang dinyatakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat yang awal kerana ia menjadi permintaan dalam kalangan orang kitani pada masa kini yang merasakan tetap mahu tinggal di kampung asal masing-masing dan sangat berharap dibukakan semula supaya mereka tidak meninggalkan kampung sendiri.
2. Dicadangkan juga supaya *taskforce* bahagian undang-undang Jabatan Tanah untuk menubuhkan unit bergerak yang bertugas memantau kesalahan-kesalahan berkaitan dengan Jabatan Tanah, seperti penggunaan tanah tanpa kebenaran oleh syarikat-syarikat orang asing yang tidak berdaftar dan tidak ada tanda nama pengenalan syarikat di hadapan perniagaan mereka;
3. Penggunaan tanah kebun oleh orang asing secara sewa yang tidak ada kebenaran dari Jabatan Tanah dan juga sebilangan pekebun tersebut melebihi had kawasan tanah yang disewakan. Adakah dasar pengurniaan tanah masih diteruskan seperti tanah tol yang sudah dibangunkan rumah melebihi 5 ke 10 tahun?; dan
4. Berkenaan pemilikan tanah strata 99 tahun kaola ingin merista perspektif sejarah Sultan Abdul Mumin yang pernah membuat amanah pada



tahun 1885 dalam penyewaan atau penjualan tanah kepada orang-orang asing.

Sekian terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Mohimin bin Haji Johari @ Jahari.

Mengenai beberapa persoalan tadi:

1. Apakah perancangan pihak jabatan dalam menangani masalah banjir *as a whole nation*. Jabatan Saliran dan Pembentungan memang mempunyai strategik bagi mengatasi masalah-masalah banjir. Beberapa langkah telah pun dilaksanakan melalui projek-projek yang di bawah peruntukan Rancangan Kemajuan Negara Ke-10 dan permohonan RKN 11 termasuk peruntukan jabatan.

Bagi jangka pendek menjalankan kerja-kerja pemeliharaan dan pemantauan ke atas sistem saliran termasuklah longkang, *any out fall* menuju ke laut yang ada secara berancang dan berterusan, mempertingkatkan sistem saliran bagi kawasan-kawasan yang mengalami masalah kebanjiran dan juga membina tembok banjir di beberapa tempat yang dilanda banjir.

Bagi jangka masa panjang, selaras dengan hasil kajian Pelan Induk

bagi meningkatkan sistem saliran di kesemua daerah bagi menangani masalah banjir permohonan projek-projek baharu akan diteruskan dalam Rancangan Kemajuan Negara Ke-11 dan seterusnya. Juga rancangan jabatan bagi mengurangkan kos di kawasan-kawasan yang mengalami masalah banjir. Projek-projek tersebut merangkumi kerja-kerja pembinaan tadahan, tembok *flat wall*, pembinaan *stream drains*, longkang-longkang (*drains*) yang konkrit, pembinaan babang serta kajian-kajian yang berterusan bagi menganalisis fungsi sistem saliran yang ada dan menjalankan perubahan mengikut situasi terkini; dan

2. Memastikan kemampunan Skim Perumahan Negara bagi memenuhi permohonan yang semakin meningkat. Menurut perangkaan Jabatan Kemajuan Perumahan, lebih 12 ribu pemohon masih menunggu untuk diperuntukkan rumah. Secara logik dari jumlah berkenaan kita masih memerlukan tanah yang luas untuk menampung permintaan ini. Oleh sebab itu, Kementerian Pembangunan telah pun membuat perancangan jangka masa panjang antaranya ialah mengoptimumkan penggunaan tanah dengan meneliti semula plot saiz tanah dan juga jenis rumah yang dibina.

Walaupun reka bentuk dan saiz berbeza dari sebelumnya, tetapi ia tetap mengikut piawaian Brunei

Darussalam PD 12 Fasal 491/(D), iaitu kamar mandi suka duka dan keluasan minimum 4.7 meter persegi. Juga reka bentuk ini menepati garis panduan dan piawaian perancangan bagi kemajuan perumahan Fasal 19.8.6 iaitu menyediakan bilik mandi yang cukup besar untuk tujuan berkenaan. Ia juga mengambil kira keperluan permohonan pemohon selaras dengan kemampuan memiliki rumah (*affordability*).

Ia mengambil kira kemampuan pemohon secara *whole life cycle* kerana pemohon-pemohon pada satu masa nanti mungkin tidak memerlukan rumah yang terlalu besar untuk dijaga dan dipelihara. Jika sekiranya ahli keluarganya berkembang dan juga memohon untuk mendapatkan perumahan penggunaan tanah yang optimum selaras dengan pembangunan berdaya tahan demi untuk kepentingan generasi yang akan datang.

Apa yang penting ialah keselesaan dan kesejahteraan kawasan perumahan berkenaan yang Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan akan sentiasa berusaha menangani dari masa ke masa; dan

3. Apakah dasar pengurniaan tanah masih diteruskan?

Untuk menjawab soalan ini Yang Berhormat Pengerusi. Saya akan

menfokuskan skop jawapan khusus berkenaan dengan bidang tugas Kementerian Pembangunan iaitu dasar pengurniaan tanah bagi tujuan perumahan sahaja, kerana peruntukan tanah bagi kegunaan lain seperti industri, perusahaan dan pertanian di bawah kementerian lain.

Berhubung dengan dasar pengurniaan tanah bagi perumahan dimaklumkan bahawa pengurniaan tanah bagi rumah kediaman yang masih dijalankan pada masa ini adalah melalui Skim Perumahan Rancangan Perumahan Negara, Skim Pengeranan Tanah *LTS*. Bagi skim perumahan RPN hanya beberapa perubahan telah diperkenalkan iaitu keluasan tanah yang diperuntukkan dikurangkan kepada 0.125 ekar selain itu pihak kementerian juga telah meneliti kaedah alternatif bagi pembiayaan skim perumahan.

Mengenai Skim Penggeranan *LTS* pihak kementerian sedang meneliti semula syarat-syarat kelayakan bagi Skim Penggeranan *LTS* bagi memastikan supaya skim ini dapat dimanfaatkan bagi mereka yang benar-benar memerlukan tanah bagi rumah kediaman dan mereka yang tidak berkemampuan memiliki tanah dan rumah di pasaran terbuka. Ringkasnya dasar dan program bagi pengurniaan masih berjalan pada masa ini; dan

Mengenai soalan, apakah perancangan membukakan semula Tanah *TOL* (Tanah Tumpang Sementara) di kampung dan mukim? Pihak kerajaan telah mengambil keputusan untuk tidak

membenarkan menduduki tanah kerajaan secara *LTS* bagi syarat perumahan dan begitu juga syarat pertanian, setelah mendapati banyak tanah-tanah *LTS* disalahgunakan, tidak dimanfaatkan secara jujur seperti disewakan atau dijual kepada orang lain, kemajuan tidak teratur dan kedudukannya tidak lagi bersesuaian dan tidak lagi menepati *zoning* Perancangan Guna Tanah.

Sebahagian besar tanah-tanah *LTS* tidak diperbaharui lesen, cukai tidak dijelaskan sehingga tertunggak malahan tidak lagi selaras dengan tujuan asal pendudukan secara *LTS* iaitu penggunaan sementara dan kemajuan tidak berbentuk kekal.

Memandangkan pada masa ini sudah ada agensi-agensi yang ditubuhkan dan skim-skim yang bersesuaian untuk menangani isu-isu keperluan perumahan rakyat, sudah ada agensi-agensi kerajaan yang diberi tanggungjawab untuk mengawal kemajuan tanah-tanah tersebut. Walaupun pada masa ini *LTS* yang sudah dibenarkan masih dikawal dan dipantau oleh Jabatan Tanah supaya tidak disalahgunakan keperluannya. Sekian Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu.

**Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ  
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu saya mengucapkan terima kasih atas taklimat yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan sebentar tadi.

Saya juga ingin bercakap mengenai Rancangan Perumahan Negara iaitu melihat dari sudut isu dan masalah yang berbeza iaitu Tajuk SK02A - Jabatan Kemajuan Perumahan:-

1. Melihat kedudukan Rancangan Perumahan Negara di negara kita telah ditetapkan kawasan-kawasan RPN di seluruh negara mengikut kesesuaian dan kepentingan semua pihak iaitu bagi meningkatkan kualiti hidup dan menyediakan skim perumahan yang mapan.

الْحَمْدُ لِلَّهِ kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana keprihatinan kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menyediakan perumahan kepada rakyat dan penduduk di negara ini dapat disediakan dengan baik dan selesa.

Bagi Daerah Temburong, Rancangan Perumahan Negara berpusat di Kampung Rataie, Mukim Bokok. Menyebabkan keramaian penduduk di mukim lain berkurangan dan bagi mengelakkan ketidakseimbangan dari segi taburan penduduk dan

dari segi statistik keselamatan, dicadangkan supaya ia dapat difikirkan untuk dikaji semula khususnya bagi Daerah Temburong pada masa akan datang supaya ia dapat juga dibina di mukim-mukim lain umpamanya di Mukim Labu.

Walaupun di kawasan berkenaan (Labu Estet) dan Kampung Senukoh sudah terdapat tanah kurnia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tetapi antara sebahagian mereka tidak mampu membina rumah. Jika sekiranya mereka layak menerima Skim RPN, maka bolehlah ia didirikan di tapak tanah kurnia tersebut sebagai Projek Rintis bagi membangun perumahan di kawasan berkenaan;

2. Menyentuh bangunan rumah yang dibina seperti yang ditularkan dalam media massa, perumahan yang dibina ada mengalami kerosakan seperti pintu, *tile* dan seumpamanya. Mungkin pihak pemborong menggunakan bahan-bahan binaan yang kurang bermutu.

Oleh yang demikian, saya percaya pihak yang berkenaan dalam kerajaan sudah pun membuat langkah-langkah pengawalan dan pemantauan mengenainya. Walau bagaimanapun, saya berharap dan menjadi harapan orang ramai yang berkenaan akan dapat lagi diteruskan sehingga dapat diatasi dengan berkesan.

Jika berlaku kecuai dan tidak sesuai dengan perjanjian kontrak, perlu diambil tindakan yang bersesuaian mengikut akta atau peraturan-peraturan yang sedia ada supaya ia tidak menjadi bebanan kepada tuan rumah yang berpanjangan;

3. Saya ingin meneruskan bercakap mengenai Tajuk SK03A-Jabatan Kerja Raya mengenai Benteng Tembok di Tebing Sungai Temburong. Seperti dalam mukadimah Yang Berhormat Menteri Pembangunan sebentar tadi ada beberapa kawasan di daerah lain contoh di Daerah Belait dibuat benteng dan tembok penghalang banjir dan bagi Daerah Temburong, sebenarnya pembinaan benteng dan tembok di kawasan Sungai Temburong sebahagian telah dibina dari Pekan Bangar ke Kampung Menengah telah berkesan menahan tebing sungai dari hakisan dan runtuh dan juga mengurangkan berlakunya banjir.

Projek berkenaan terhenti hanya sehingga ke Kampung Sungai Tanit. Memandangkan projek ini sangat membantu penyelesaian, keselamatan dan memelihara alam sekitar dan menggantikan kawasan berkenaan, dicadangkan supaya ia dapat disambung semula hingga ke penghujung kampung kira-kira setengah kilometer jauhnya; dan

4. Dalam Tajuk yang sama saya juga ingin bercakap iaitu mengenai jalan

raya. Di Daerah Temburong juga terdapat jalan-jalan raya yang kecil yang masih lagi terbiar yang telah pun dibina beberapa tahun yang lalu. Seperti mana yang terdapat di Kampung Belais (Jalan Tanah Tumpuk Jalan RPN Rataie) menuju ke Rancangan Perumahan Rataie dan termasuklah juga jalan dari Kampong Lepong Lama menuju ke Kampung Sibut dan seumpamanya. Jalan-jalan yang disebutkan ini adalah ada keperluannya terutama sebagai jalan alternatif jika berlaku bencana alam seperti banjir dan sebagai jalan kemudahan keluar dari kawasan berkenaan.

Diharapkan jalan-jalan yang disebutkan akan dapat dilihat semula kerana ada kepentingannya iaitu bagi menjaga keamanan dan kesejahteraan masyarakat ramai walaupun sementaramanya hanya dibubuh dengan batu pasir pun الْحَمْدُ لِلَّهِ

Pemeliharaan jalan-jalan utama, begitu juga keadaannya di tempat-tempat lain keadaan jalan utama seperti Jalan Amo, Batang Duri dan Jalan Bokok Temada, Jalan Batu Apoi dan seumpamanya didapati berlubang-lubang disebabkan oleh kenderaan-kenderaan berat.

Walaupun pihak yang berkenaan telah pun membuat usaha-usaha untuk menangani masalah tersebut tetapi ia kembali lagi berulang

berlubang. Perkara tersebut perlu diambil perhatian kerana ia membahayakan pengguna-pengguna jalan raya dan boleh mengakibatkan kemalangan berlaku. Diharapkan ia dapat dilaksanakan dalam masa yang singkat.

Sekian وبالله التوفيق والهداية التام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri**

**Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Emran bin Haji Sabtu, mengenai beberapa soalan:-

1. Mengenai perumahan di Kampung Rataie supaya dapat dilaratkan juga di tempat-tempat lain. Perkara ini mengikut kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti di Daerah Temburong dan mengikut juga pelan-pelan tempat yang dirancang atau dibuat oleh Perancang Bandar dan Desa. Kalau ada keperluan memang akan diteruskan memandangkan Temburong merupakan satu tempat yang mempunyai penduduk yang tidak begitu ramai tetapi sekiranya Jambatan Temburong nanti akan siap satu masa nanti Daerah Temburong akan mempunyai ramai penduduk; dan
2. Mengenai pemeliharaan jalan raya, memang diambil maklum dan memang akan diusahakan untuk memperbaikinya kerana الْحَمْدُ لِلَّهِ peruntukan bagi

pemeliharaan infrastruktur pada tahun kewangan ini nampaknya bertambah. Mudah-mudahan dapat diteruskan usaha-usaha untuk pemeliharaannya dan mengenai Jalan Belais iaitu jalan-jalan alternatif memang diakui perlu untuk mengadakan satu jalan alternatif dan ini akan perlu dibuat kajian lebih dahulu.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Lebih dahulu barangkali dalam kesempatan ini, kaola ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar, Menteri Pembangunan, atas lantikan menjadi Menteri Pembangunan. Makluman Yang Berhormat Pengerusi, kaola ada 6 soalan, tapi kerana masa, kaola hanya akan membawa 2 cadangan. Manakala selebihnya jika tidak dibawa oleh mana-mana Yang Berhormat yang lain kaola akan menyampaikannya secara bertulis kepada Menteri berkenaan:-

1. Apa yang kita lihat pada masa ini, belum begitu nampak orang-orang kita berjaya atau kita banggakan sebagai pemborong berjaya. Kita

belum dapat mengatasi masalah "Ali Baba", walaupun perkara ini telah dibangkitkan beberapa kali dalam muzakarah dan permesyuaratan negara dan acara lain. Dalam perkara ini, kaola mencadangkan supaya satu Jawatankuasa *Taskforce* akan dapat ditubuhkan untuk membincangkan perkara ini dengan lebih mendalam dan kaola cadangkan supaya Dewan Perniagaan Melayu Brunei dan juga Dewan Perniagaan Tiong Hwa akan dilibatkan dalam Jawatankuasa *Taskforce* berkenaan, jika dipersetujui dan dipertimbangkan; dan

2. Mengenai Tajuk SK02A - Jabatan Kemajuan Perumahan. Di Kawasan projek perumahan pada masa ini ada terdapat bengkel-bengkel, gerai-gerai kecil, demikian juga gerai di tepi jalan. Usaha pengusaha-pengusaha berkenaan mestilah kitani galakkan dan kita doakan semoga mereka akan dapat berjaya. Kalau tidak salah bahawa dalam kawasan atau tapak perumahan ada terdapat tanah khusus untuk perniagaan.

Maka dalam perkara itu, adakah pihak berkenaan ada memikirkan untuk mereka ini ditempatkan ke tempat tersebut memandangkan mereka ini juga perlu untuk membangun negara? Terima kasih

وبالله التوفيق والهداية السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Menteri**

**Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai beberapa soalan daripada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arshad.

Mengenai soalan pertama, menubuhkan satu Jawatankuasa *Taskforce* untuk memastikan bahawa **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** pemborong-pemborong kita akan berjaya akan dirundingkan bersama pihak-pihak yang berkenaan kerana perkara ini melibatkan agensi ataupun pihak-pihak yang berkepentingan untuk sama-sama diteliti keperluannya.

Mengenai perumahan iaitu dengan mengadakan bengkel-bengkel dan juga tempat-tempat perniagaan perkara ini juga memang di dalam rancangan mana-mana skim perumahan pun ada disediakan ataupun di tempatkan di kawasan-kawasan untuk perniagaan tapi akan diselaraskan dengan agensi-agensi lain seperti *Darussalam Asset* untuk membukakan peluang secara *PPP*. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu.

**Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

dan salam sejahtera.

Kaola akan hanya menyentuh perkara di bawah Tajuk SK02A - Jabatan Kemajuan Perumahan. **الْحَمْدُ لِلَّهِ** projek-projek Skim Rancangan Perumahan Negara yang telah dilaksanakan untuk sekian lamanya yang bertujuan memberi peluang kepada semua rakyat Negara Brunei Darussalam untuk memiliki ataupun mendirikan rumah kediaman sendiri mengikut giliran. Skim Perumahan Negara ini juga dilihat mempunyai peranan yang penting dalam menjamin kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini ke arah mendukung matlamat Wawasan Brunei 2035.

Adalah diambil maklum bahawa Skim Perumahan Negara meliputi banyak kawasan di negara ini khususnya di kawasan-kawasan baharu seperti Kawasan Rancangan Perumahan Negara Kampung Mengkubau, Kampung Meragang, Kampung Rataie, Kampung Bukit Beruang dan sebagainya.

Soalan kaola, mengapakah masih terdapatnya rumah-rumah di bawah Skim Perumahan Negara masa ini yang telah didapati terbiar kosong tanpa diisi dan didiami oleh manusia khususnya di kawasan-kawasan yang telah kaola nyatakan tadi.

Walhal rumah-rumah berkenaan nampak sudah siap untuk didiami tetapi terbiar tanpa diduduki untuk sekian masa yang lama. Adalah dikhuatiri rumah-rumah kosong dan tidak didiami ini boleh rosak begitu sahaja. Malah

ada yang sudah rosak dan terbiar di samping diambil kesempatan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab untuk melakukan aktiviti jenayah dan juga di samping merugikan kerajaan yang mana sudah menjadi suatu yang boleh dilihat sebagai *standby and eye-sore*.

Jadi kaola hanya bertanya, kenapa rumah-rumah tersebut terbiar begitu sahaja? Terima kasih.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

#### **Yang Berhormat Menteri**

**Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pendikar Alam Dato Paduka Seri Awang Haji Hasrin bin Dato Paduka Haji Sabtu mengenai isu rumah-rumah kosong di kawasan perumahan. Mungkin yang disebutkan itu di kawasan Kampung Mengkubau barangkali dan juga di Kampung Bukit Beruang, Tutong.

Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan telah pun mengadakan beberapa perundingan dengan pihak-pihak tertentu yang membina rumah sebelum ini iaitu pihak *BEDB* dan mengenal pasti sebanyak lebih kurang 470 unit teres rumah yang kosong yang bukan terbiar tetapi mungkin disebabkan ada masalah-masalah isu kerosakan dan sebagainya. Perkara ini telah pun dirundingkan bersama dengan pihak-pihak yang berkenaan supaya kontraktor-kontraktor, pemborong-pemborong yang telah membina perumahan sebelumnya akan bertanggungjawab

memastikan bahawa perumahan ini akan dibaiki.

Manakala, memandangkan perumahan-perumahan ini banyak kosong dan terbiar, maka banyak kerosakan yang didapati kerana ia telah pun di-*vandalised* dan banyak perkara yang kurang elok yang telah pun dibuat di rumah-rumah yang kosong ini. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan akan memastikan bahawa unit-unit yang kosong ini akan sentiasa dibaiki dan setelah ia dibaiki akan diberikan kepada pemohon perumahan selanjutnya.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Kalau saya tidak silap perkara ini juga telah ditimbulkan pada tahun lepas mengenai beberapa buah rumah perpindahan masih dibiarkan kosong dan belum didiami. Jadi, ada baiknya perkara seperti itu diambil tindakan yang segera.

Saya teruskan perbincangan kita dengan menjemput Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

**Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.



Dengan penuh hormat kaola sukacita juga mengambil bahagian dan seterusnya bercakap dalam Tajuk SK02A - Jabatan Kemajuan Perumahan dan Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola amat bersetuju atas cadangan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin tadi bagi menyediakan tempat-tempat berniaga di Rancangan Perumahan Negara yang mana kebetulan juga hamba menyediakan sedikit cadangan mohon dibenarkan.

Kaola juga bercadang, jelas antara masyarakat begitu menunjukkan minat dalam lapangan berniaga di kawasan Rancangan Perumahan Negara terutama sekali yang ketara nampak dilihat kawasan Daerah Belait, di Rancangan Perumahan Negara Lumut, Lorong Tiga Seria, Rancangan Perumahan Negara Panaga, juga di Kampung Pandan Kuala Belait. Rasanya dalam perhatian kaola, bukan sahaja di daerah ini malah di seluruh daerah dalam Rancangan Perumahan Negara ini nampak jelas bahawa begitu berminat dalam berniaga walaupun secara kecil-kecilan.

Hal ini terbukti hampir keseluruhan penduduk di Rancangan Perumahan Negara ini seperti mana yang kaola katakan beroperasi menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan di kawasan berdekatan rumah dan di hadapan jalan-jalan di kawasan perumahan. Kegiatan berniaga ini dalam tinjauan kaola boleh dikatakan secara umumnya adalah kegiatan berniaga bagi menampung pendapatan

keluarga. Kegiatan-kegiatan berniaga ini amat baik dan ia juga terkandung sebagai satu sunah Rasullullah sallahu alaihi wassalam.

Yang Berhormat Pengerusi.

1. Soalan/cadangan kaola ialah bagi kesungguhan dan minat masyarakat berniaga khusus di Rancangan Perumahan Negara juga kawasanya bolehlah disediakan dan dibantu diberi kemudahan yang membolehkan mereka ini dibenarkan berniaga secara peraturan yang dibenarkan oleh Jabatan Kemajuan Perumahan dan agensi kerajaan termasuklah menyediakan tempat atau gerai-gerai jualan supaya ia nampak teratur dan di satu tempat yang selamat dalam kawasan perumahan masyarakat tersebut;
2. Kaola sukacita jua merujuk cadangan yang lalu mengenai pembinaan dewan-dewan masyarakat dan serba guna di RPN Lumut, RPN Lorong 3, Seria dan RPN Penaga, Seria supaya dapat dibina bagi kepentingan masyarakat majlis perjumpaan kegiatan-kegiatan dan apa juga yang berunsur tidak diduga berlaku dan jua ia memudahkan agensi-agensi kerajaan menggunakannya atas urusan-urusan kerajaan jua pada bila-bila masa sahaja ia boleh digunakan;
3. Seterusnya dalam Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya. Kaola lebih dahulu sukacita merakamkan ucapan tahniah atas peruntukan

yang telah diperuntukkan sejumlah \$138,558,040 kepada Jabatan Kerja Raya. Terima kasih jua kepada Jabatan Kerja Raya, Kementerian Pembangunan, atas usaha-usaha berterusan dalam pemuliharaan dan perbaikan hubungan jalan raya di Negara Brunei Darussalam;

Yang Berhormat Pengerusi, jadi nampaknya lebuh raya di Negara Brunei Darussalam sentiasa dalam pemeliharaan di bawah Jabatan Pemeliharaan Lebuh Raya. Begitu juga di jalan-jalan utama yang menuju ke bandar dan pekan-pekan dipelihara oleh Jabatan Kerja Raya. Ini termasuklah jua jalan-jalan kecil di kawasan kampung-kampung sama ada dalam bandar, pinggir bandar dan pedalaman secara amnya di Negara Brunei Darussalam; dan

Kaola sukacita menghadapkan sebagai satu cadangan supaya jalan-jalan kecil di kampung-kampung tidak akan terlalu lama terbiar dalam usaha-usaha perbaikan bagi tujuan laluan-laluan tersebut tidak menimbulkan kesusahan pada penduduk-penduduk yang menggunakan jalan tersebut untuk keluar menuju ke destinasi-destinasi terutama sekali di Mukim-Mukim di Daerah Belait. Yang Berhormat Pengerusi,

Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ .

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin mengenai beberapa soalan:

1. Iaitu mengenai kawasan-kawasan RPN atau Rancangan Perumahan Negara, tapak-tapak komersial ataupun menyediakan untuk tempat-tempat dewan kemasyarakatan bagi penduduk di sana. Kawasan RPN memang disediakan tapak komersial ataupun *local centre* dan juga perindustrian kecil. Tapak-tapak tersebut adalah untuk dimajukan oleh agensi-agensi berkenaan melalui dasar Jabatan Perancang Bandar dan Desa.

Hampir kesemua kawasan RPN adalah berhampiran tapak perindustrian untuk digunakan sebagai Perusahaan Kecil dan Sederhana seperti Tapak Perindustrian Jalan Pasir Berakas berhampiran dengan RPN Lambak Kanan dan STKRJ Lambak Kiri, Kompleks Perindustrian Anggerek Desa, Tapak Industri Kecil Kompleks Madang, Tapak Perindustrian Salambigar berhampiran dengan STKRJ Tanah Jambu, RPN Tanah Jambu, RPN Mengkubau dan STKRJ Sungai Buloh, Tapak Perusahaan Kampung Mentiri iaitu berhampiran dengan RPN Mentiri, Tapak Perindustrian Muara berhampiran RPN Serasa dan RPN Meragang dan Tapak Perindustrian Sungai Bera berhampiran RPN Lorong Tengah Seria dan RPN Lumut dan juga

Tapak Perindustrian Sungai Duhun Kuala Belait berhampiran dengan RPN Pandan.

Penempatan tapak perindustrian ini di kawasan strategik menurut penggunaan tanah kebangsaan dan merangkumi tadahan kawasan perumahan untuk memberikan kemudahan pengangkutan. Terlalu banyak kawasan industri di kawasan perumahan secara kelompok akan menjejaskan penggunaan tanah yang optimum. Kesemua perancangan perumahan mengikut keperluan masyarakat dan penduduk, piawai yang ketat juga untuk menyediakan tapak perindustrian mesti disediakan dan diselaraskan. Pada masa ini semua tapak kawasan industri adalah di bawah kawalan BINA dan agensi lain termasuk tapak di kawasan perumahan diambil oleh *DARE*; dan

2. Mengenai soalan perancangan untuk meng*upgrade* jalan-jalan dan simpang, memang Jabatan Kerja Raya mempunyai program-program tertentu untuk melaksanakan apa-apa jua rancangan menaik taraf jalan raya dan program-program seperti melapis semula aspal di rangkaian jalan raya di seluruh negara, program menaik taraf jalan raya, jalan-jalan kecil jalan daerah dan program menaik taraf jalan-jalan simpang di seluruh negara.

Walaupun keadaan ekonomi negara sejak akhir-akhir ini telah sedikit sebanyak menjejaskan program-program tersebut, Kementerian

Pembangunan akan terus berusaha untuk memastikan peruntukan-peruntukan bagi kerja-kerja pemeliharaan dan juga kerja-kerja *upgrading* sebagai keutamaan dan juga akan mengkaji semula projek-projek yang telah dilaksanakan sebelum ini terutama sekali program-program pengurusan dan pemeliharaan jalan raya untuk diberi keutamaan.

Antara langkah-langkah yang telah diambil ialah dengan meneliti keutamaan bagi satu-satu projek yang lebih menjurus kepada keselamatan dan kesejahteraan bersama di samping meneliti kaedah-kaedah yang sesuai untuk diguna pakai dalam melaksanakan program-program tersebut.

Sekian sahaja Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis.

**Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.   
 السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Pengerusi, saya akan menyentuh di bawah Tajuk SK01A - Jabatan Kementerian Pembangunan:-

1. Apakah Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya khususnya ada memiliki sistem pengawalan kewangan ke atas projek-projek pembangunan negara

dan jika ada apakah gelarannya dan bagaimana keberkesannya? Isu ini dibangkitkan memandangkan kejadian isu-isu ketirisan dan penyelewengan; dan

2. Saya ingin juga menyentuh di bawah Tajuk SK03A - Jabatan Kerja Raya. Pada akhir-akhir ini bil-bil tuntutan air tidak lagi diberikan dan dihantar kepada tuan-tuan rumah sehinggakan tuan-tuan rumah terlupa untuk membuat pembayaran bagi tempoh yang lama sehinggakan jumlah tuntutan yang banyak dan tertunggak beberapa bulan. Sehubungan dengan itu, sukacita memohon penjelasan mengenainya, mengapakah ia ditiadakan sedangkan ia memudahkan kepada pembayar?

Sekian Yang Berhormat Pengerusi

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai soalan daripada Yang Berhormat Awang Naim bin Haji Kamis iaitu adakah Kementerian Pembangunan mempunyai sistem kawalan-kawalan projek? Memang diakui projek-projek yang dijalankan oleh Kementerian Pembangunan mengandungi kriteria-kriteria pengawasan dipersyaratkan dalam kontrak.

Jadinya segala apa jua ketirisan ataupun projek-projek yang mungkin tidak dapat dikawal akan dapat dilaksanakan ataupun dapat disemak semula seperti

apa yang terdapat dalam kontrak. Mengenai pengawalan-pengawalan ini memang terdapat isu-isu ketirisan dan melalui pengawasan-pengawasan yang rapi, Kementerian Pembangunan akan sentiasa mengawal projek-projek ini supaya ia jangan berlaku ketirisan seperti apa yang dimaksudkan tadi.

Mengenai bil-bil air yang pada masa ini tidak lagi dibaca kemungkinan perkara ini akan dikaji semula dengan Jabatan Perkhidmatan Air kerana ada terdapat kawasan-kawasan yang mungkin tidak menepati ataupun tidak dibaca bil-bil dan tidak dapat dihantar, kaola akan menjawab soalan ini pada hari Isnin insya-Allah. Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Saya persilakan Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

**Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman:**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih atas mukadimah Yang Berhormat Menteri Pembangunan. Kaola ingin mengemukakan beberapa perkara di bawah pengawalan dan penyeliaan Kementerian Pembangunan di bawah perancangan dan pengurusan polisi 002/000.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola ingin menyentuh mengenai beberapa akta di bawah

Kementerian Pembangunan yang belum sepenuhnya dikuatkuasakan walaupun telah diaktakan. Seperti *town planning country order 2015* dan *housing developers control and licensing order 2012*.

Sekali lagi kaola ingin menekankan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Istiadat Pembukaan Rasmi Mesyuarat Pertama Dari Musim Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara yang berlangsung pada 5 Mac 2018 yang lalu. Baginda bertitah:

'Bahawa pembangunan tidak akan berjalan lancar kiranya peraturan dan undang-undang tidak dilaksanakan dengan sempurna kerana itu langkah menguatkuasakan peraturan dan undang-undang amatlah perlu. Adalah tidak wajar untuk selalu-selalu ketirisan dalam melaksanakan sebarang undang-undang atau peraturan'.

Di sini kaola ingin menyuarakan kebimbangan akta-akta yang masih belum dikuatkuasakan dengan sempurna kerana akta-akta tersebut bukan sahaja memberi impak kepada pihak kerajaan bahkan impak yang besar kepada pihak-pihak awam yang mudah terdedah keada pemaju-pemaju bangunan mungkin tidak berdaftar di bawah Kementerian Pembangunan.

Telah banyak tular mengenai penipuan-penipuan yang dilakukan oleh pemaju-pemaju tanah terhadap pembeli-pembeli

rumah iaitu pembinaan belum juga dimulakan walaupun pembeli-pembeli milik bangunan atau rumah komersial ini telah membayar wang pendahuluan yang berjumlah besar kepada pemaju-pemaju tanah. Perkara ini boleh saja dielakkan dengan memperkasakan dan penguatkuasaan akta-akta yang tertentu untuk menjamin keselamatan pemilik rumah seperti ini dalam sektor pembinaan di negara ini.

Seperti yang dititahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam:

"Kita tidak mahu orang mempersandakan akta kerana kelemahan kita. Ada akta sahaja belum memadai tanpa ianya didaulatkan melalui pelaksanaan. Pelaksanaanlah harga bagi sesuatu akta itu".

Soalan kaola:-

1. Apakah perancangan yang sudah dibuat oleh pihak kementerian dalam menguatkuasakan lagi akta-akta seperti *town and country planning order 2015* dan *housing developers control and licensing order 2012* yang telah kaola nyatakan tadi untuk kepentingan, kesejahteraan dan keselamatan rakyat tempatan dalam melakukan pembelian ke atas bangunan di atas tanah-tanah kemajuan yang dikendalikan oleh para pemaju dan pembina tanah bangunan mahupun rumah-rumah kediaman di negara kita;

2. Apakah langkah-langkah pihak kementerian dalam mengawal pemaju-pemaju yang tidak berdaftar daripada melakukan aktiviti pemajuan tanah kerana ia akan memberi impak kepada proses-proses dan aktiviti-aktiviti pembinaan di negara kita secara menyeluruh? Bilakah dapat akta-akta ini dikuatkuasakan dengan lebih sempurna sama ada secara berfasa atau berperingkat-peringkat?;
3. Kaola ingin mengucapkan tahniah atas pencapaian Kementerian Pembangunan bagi dua projek yang telah dirasmikan pembukaannya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa Jubli Emas, Taman Mahkota Jubli Emas dan Jambatan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. Tahniah juga atas usaha berterusan pihak kementerian dalam mengambil langkah-langkah yang padu dengan menangani isu tambahan bangunan tanpa kelulusan iaitu *illegal extension* bagi tujuan keselamatan pihak awam;
4. Seterusnya kaola ingin menyentuh mengenai dengan projek perumahan *apartment* bertingkat tinggi yang telah siap dibina di atas tapak kawasan Lambak Kanan pada bulan November yang lepas. Projek ini memakan peruntukan perbelanjaan sebanyak \$55 juta pembinaannya;

Lebih dahulu projek ini dibina bagi mereka yang memohon untuk

mendapatkan skim perumahan kerajaan dan kaola turut menyambut baik inisiatif pihak kementerian untuk memeduli kebajikan rakyat. Kaola ingin sekali mengetahui dengan lebih lanjut mengenai status perumahan *apartment* ini. Kaola berharap pihak kementerian dapat memberikan gambaran yang lebih jelas mengenai dengan perkembangan terkini mengenai dengan perumahan *apartment* ini sama ada telah diberikan pengurusan kepada pihak-pihak swasta atau masih dalam penelitian pihak kementerian;

5. Kaola juga terpenggil untuk mengaitkan hal ini dengan aktiviti *Private Public Partnership (PPP)* yang masih samar-samar perkembangannya di negara kita. Walau bagaimanapun, kaola percaya akan keberkesanan penggunaan keadah *PPP* bagi skim-skim rancangan perumahan negara masa akan datang. *PPP* merujuk kepada perjanjian kontrak jangka panjang untuk menyampaikan perkhidmatan awam iaitua terdapat tahap perkongsian risiko yang ketara antara sektor awam dan swasta dan ia lebih berpotensi untuk dimajukan melalui kaedah ini.

Merujuk kembali kepada mukadimah mantan Menteri Pembangunan semasa persidangan tahun lepas mengenai sektor *PPP*. Beliau telah mengkongsikan beberapa kawasan yang telah dikenal pasti yang berpotensi untuk dimajukan melalui kaedah *PPP* bagi perumahan am

dengan menyediakan kawasan komersial. Kawasan-kawasan tersebut ialah seperti Rancangan Perumahan Negara Lugu Fasa 2, Rancangan Perumahan Meragang, Rancangan Perumahan Negara Serasa, Penaga, Lorong Tengah dan Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati, Katok.

Apakah perkembangan rancangan-rancangan *PPP* di atas tapak-tapak yang berpotensi ini telah pun dimulakan secara berperingkat. Kaedah *PPP* juga sering sahaja dibangkitkan pada tahun-tahun yang lepas tetapi pelaksanaannya sangat kabur pada mata umum. Kaola berharap pihak kementerian dapat mengkongsikan aktiviti-aktiviti *PPP* yang telah dijalankan setakat ini dan apakah perkembangan yang dapat dilihat melalui kejayaan perlaksanaannya?

Kaola berasa bahawa perkara ini seharusnya sudah dilaksanakan kerana kita sudah mempunyai *Brunei Darussalam National Public Private Partnership Guidelines* terbitan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi pada tahun 2015. Kaola yakin ada dinyatakan yang buku berkenaan tentang manfaat-manfaat utama bagi sektor kerajaan dan swasta untuk penelitian lebih lanjut. *PPP* mempunyai potensi yang cerah dan sekiranya ia memerlukan pembaikan maka karihilah dan perbaikilah lagi kelemahannya.

Kaola berharap kaedah *PPP* ini akan lebih diperkasakan, diusahakan kerana memandu perkembangan sektor pembangunan di negara ini dengan lebih dinamik dan inovatif secara langsung juga ini akan dapat membantu dalam meningkatkan penjanaaan pendapatan serta pengurangan perbelanjaan negara melalui pihak Kementerian Pembangunan yang menerajui sektor pembangunan dalam negara; dan

6. Mengenai Pengurusan Aset. Di bawah Tajuk Pengurusan Aset yang gelaran asalnya ialah pemeliharaan aset kediaman rasmi dan bangunan kerajaan telah dikurangkan dari \$988, 299.00 bagi tahun 2017/2018 ke \$160,878.00 iaitu penurunan sebanyak \$827,421.00.

Apakah yang menyebabkan peruntukan bagi pengurusan aset ini dikurangkan? dan Apakah status aset-aset bangunan kerajaan tersebut dengan penurunan peruntukan perbelanjaan pengurusan aset ini?

Sekian sahaja dari kaola, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Menteri Pembangunan:** Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman mengenai dengan beberapa soalan:-

1. *TCPO Order 2015*, itu ialah merupakan kajian semula akta 1972 supaya ia lebih komprehensif khususnya dalam penyediaan pelan-pelan pembangunan dan pada masa ini *TCPO* dalam proses untuk di *notification*;
2. Mengenai *Developers Order* atau Perintah Pemaju Perumahan Kawalan dan Pelesenan 2012 adalah satu perintah yang mengawal pemaju-pemaju perumahan yang menyediakan perumahan dengan tujuan untuk melindungi kepentingan orang ramai khususnya para pembeli rumah di negara ini. Untuk makluman, Kementerian Pembangunan telah meneliti kesesuaian bagi perintah ini mula untuk dikuatkuasakan memandangkan perintah ini memerlukan penyediaan peraturan-peraturan yang membolehkan pelaksanaan atau implementasi yang berkesan memenuhi objektifnya.

Dalam pada itu, Kementerian sedang dalam proses penubuhan Lembaga Pemaju Perumahan yang seterusnya akan dimandatkan peraturan-peraturan tersebut. Adalah dihasratkan dengan adanya perintah ini nanti akan dapat dikuatkuasakan pada tahun 2019 apabila semua peraturan-peraturan sudah sedia;

3. Mengenai soalan *H40* iaitu sebanyak 300 unit jenis rumah pangsa di kawasan RPN Lambak Kanan sudah siap dibina seperti yang dinyatakan tadi pada bulan Februari

tahun 2018. *H40 apartment* mempunyai 7 tingkat dengan kemudahan 4 bilik tidur dan setiap ruang unit ruang untuk letak kereta, kawasan riadah, surau dan juga ada lif bagi setiap blok. Pada masa ini Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Kemajuan Perumahan masih dalam proses penelitian sebelum ia diserahkan.

Kemungkinan *H40* berkenaan untuk di *out-source* ataupun di *PPP* dan juga diambil kira dan masih dalam proses perbincangan awal bersama dengan agensi-agensi berkepentingan; dan

4. Mengenai Projek *PPP*, memang kaola bersetuju bahawa satu kaedah bagi membiayai infrastruktur institusi perumahan adalah melalui *PPP* dan pada masa ini kementerian mencuba untuk satu tapak iaitu di Kampung Lugu, kalau ia sukses mungkin akan dilaratkan lagi kepada tapak-tapak lain. Untuk makluman juga pada masa ini penyediaan untuk menawarkan kepada pihak yang berkeinginan untuk ikut serta dalam *PPP* akan dikeluarkan dalam sedikit masa lagi.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

**Yang Berhormat Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat saya kira cukuplah dahulu kita membincangkan dan membahaskan Jadual Kementerian Pembangunan setakat ini. Ada baiknya perbincangan di Peringkat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dan kita bersidang



semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

**(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)**

**(Majlis Mesyuarat bersidang semula)**

**Yang Berhormat Yang Di-Pertua:**

Ahli-ahli Yang Berhormat saya berpendapat ada baiknya persidangan kita tangguhkan dahulu bagi membolehkan kita berehat kerana setelah hampir sehari suntuk kita menumpukan perhatian sepenuhnya mengenai perbincangan berhubung dengan Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan 2018/2019. **إِنْ شَاءَ اللَّهُ** kita akan bersidang semula pada hari Isnin, 12 Mac 2018 pada pukul 9.00 pagi seperti biasa, sekian.

وبالله التوفيق والهداية السّلام عليكم ورحمة الله وبركاته

**(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)**